

Pegawai perlu patuhi arahan SPN

BH 18 DEC 1992

JITRA, Khamis — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan seseorang pegawai kerajaan perlu melaksanakan arahan Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN) jika ia baik dan selaras dengan fungsi mereka.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, pegawai kerajaan sama ada di peringkat pusat atau negeri, yang diarah membuat sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang, wajar mendapatkan arahan lanjut dariapada ketua jabatan terlebih dahulu.

Menurutnya, pegawai kerajaan hanya perlu mematuhi dan melaksanakan arahan yang dikeluarkan oleh SPN jika berpendapat ianya baik dan sejajar dengan tanggungjawab mereka.

"Kalau arahan itu baik dan sejajar dengan fungsi mereka, tidak ada sebab mereka tidak melaksanakannya," katanya kepada pemberita selepas mengakhiri lawatan sehari ke daerah Kubang Pasu.

Perdana Menteri mengulas tindakan pegawai kerajaan di Johor yang mengambil tindakan bercanggah dengan undang-undang kerana mematuhi arahan SPN. ---

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Pusat akan

menyelaras fungsi SPN dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi mengatasi beberapa masalah berikutan struktur dua badan itu.

Bagaimanapun, katanya ketika ini Kerajaan Pusat tidak bercadang menyerap SPN ke dalam SPA kerana SPN adalah hak kerajaan negeri.

"Pada waktu ini kita tidak ada rancangan apa-apa (mengenai SPN)," katanya.

Berhubung kenyataan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Kheng Yaik mengenai pembabitan istana Pahang dalam kegiatan mencuri konsesi balak, Perdana Menteri berkata, jika ada bukti kerajaan ingin mengetahuinya.

Bagaimanapun, katanya, sehingga ini beliau tidak mengetahuinya.

Dalam perkembangan lain, Dr Mahathir berkata beliau sudah mengarahkan kadi memperluaskan fungsi supaya mereka tidak menumpukan pengajaran kepada ibadat tertentu semata-mata.

Beliau mengadakan perjumpaan dengan kadi selepas merasmikan Seminar Pegawai Masjid dan Jawatankuasa Kariah Kubang Pasu di Masjid Al-Ala, di sini tengah hari ini.